- iii. Menggunakan dua magnet pelekap tinggi
- iv. Mudah digunakan dan dibersihkan
- v. Sesuai digunakan pada cermin rumah
- vi. Mempunyai kepanjangan 11.50 cm
- vii. Kelebaran alat ini ialah 10 cm
- viii. Tinggi alat ini ialah 6.50 cm

2.9.5 Penyepit Cermin Mr DIY



Rajah 11: Penyepit Cermin Mr DIY

Penyepit cermin ini diperbuat daripada plastik. Alat ini telah digunakan secara meluas di Malaysia. Walaupun dijual dengan harga mampu milik, tetapi alat ini sangat mudah digunakan dan mesra pengguna. Penyepit ini diperbuat daripada plastik pada bahagian badan dan mempunyai span yang dicantumkan pada bahagian dalam. Bukan itu sahaja, alat ini dapat mengelakkan kecederaan pada bahagian tangan ketika melakukan kerja pengelapan cermin.

Ciri-ciri :

- i. alat mesra pengguna
- ii. Mudah digunakan dan dicuci
- iii. Mempunyai kepanjangan 22-24 cm
- iv. Penggunaan span sebagai pengelap
- v. Diperbuat daripada plastik

2.9.6 *One Side Cleaning Sponge*



Rajah 12: *One Side Cleaning Sponge*

One Side Cleaning Brush diperbuat daripada paip PVC. Menggunakan span mudah serap untuk penyerapan dan pengelapan yang sempurna. Mereka bentuk pemegang yang mudah dipegang oleh pengguna. Selain itu, alat ini mempunyai berat yang sangat ringan. Ia memudahkan pengguna untuk mengangkat alat ini dengan baik. Alat ini juga mudah dijaga dan dapat disimpan di dalam laci kerana kapisitinya yang sederhana. Sesuai digunakan pada cermin rumah, bilik air dan juga kenderaan bermotor.

Ciri-ciri :

- i. Mudah digunakan dan dibersihkan spannya
- ii. Dihasilkan dengan paip PVC
- iii. Sangat ringan dan mudah dijaga
- iv. Mempunyai kepanjangan 20 cm

2.10 Jenis-jenis paip

Terdapat pelbagai jenis paip yang mempunyai kelebihan dan kekuatan tersendiri. Pemilihan paip juga amat penting dalam mengukur sesuatu perkara. Antara jenis paip ialah:

2.10.1 Paip PVC (Polyvinyl Chloride)



Rajah 13: Paip PVC

Paip PVC mempunyai tegangan yang baik, kekuatan mampatan, tetapi yang fleksibel daripada paip plastik yang lain, rintangan kakisan adalah baik, harganya adalah yang paling murah di semua jenis paip plastik, tetapi suhu rendah melekat rapuh, sambungan soket, sambungan benang sintetik. Ia digunakan untuk bekalan air, saluran, pengairan, bekalan gas, paip ekzos, saluran paip, paip air hujan, paip anti-karat industri, dan sebagainya.

Ciri-ciri :

- 1) Diperbuat daripada *Polyvinyl Chloride*
- 2) Mempunyai gred nipis dan tebal
- 3) Ringan dan mudah dikendalikan
- 4) Tidak sesuai untuk menyalurkan air panas
- 5) Tiada had kepanjangan paip – mengikut kesesuaian pengguna

2.10.2 Paip ABS (ACRYLONIRILE BUTADIENCE STYRENE)



Rajah 14: Paip ABS

Paip ABS mempunyai rintangan kakisan yang baik, ringan, rintangan haba yang lebih tinggi daripada PE, PVC, tetapi lebih mahal. Pelekat, bebibir yang menghubungkan kelengkapan kebersihan dengan paip air yang lebih rendah, paip, paip kumbahan, paip kabel bawah tanah, paip perindustrian anti karat yang tinggi, dan sebagainya.

Ciri-ciri :


- 1) Mudah dipasang dan diselenggara
- 2) Kuat
- 3) Tahan hakisan luaran dan dalaman
- 4) Pengalir haba yang lemah
- 5) Kos rendah

2.11 Perbezaan Antara Paip PVC Dan Paip ABS

Paip PVC	Paip ABS
Mempunyai rintangan haba yang rendah berbanding paip ABS	Mempunyai rintangan haba yang lebih tinggi berbanding paip PVC
Kos penyelenggaraan rendah	Kos penyelenggaraan tinggi
Lebih ringan berbanding paip ABS	Lebih berat berbanding paip PVC
Jangka hayat lebih panjang	Jangka hayat lebih pendek
Tidak sesuai dalam pengaliran air panas	Sesuai dalam pengaliran air panas

Jadual 1: Perbezaan Antara Paip pvc Dan Paip ABS

2.12 Magnet Neodymium



Rajah 15: Magnet Neodymium

Magnet Neodymium merupakan magnet tetap yang paling kuat Magnet neodymium (juga dikenal sebagai NdFeB, NIB, atau magnet Neo), merupakan sejenis magnet langka-bumi, terbuat dari campuran logam neodymium, besi, dan boron yang membentuk struktur kristal $\text{Nd}_2\text{Fe}_{14}\text{B}$ tetragonal.

Ciri-ciri magnet Neodymium (*Rare Earth*) ialah :

- 1) Memiliki kekuatan magnetik yang sangat besar
- 2) Bewarna kelabu mengkilap
- 3) Harganya lebih tinggi berbanding magnet yang lain
- 4) Proses pembuatannya rumit dan mengambil masa yang lama bergantung kepada saiz
- 5) Ukurannya : P 40mm x L 10mm x T 10mm

2.13 *Microfiber*

Microfiber dihasilkan daripada serat sintetik yang lebih halus daripada satu *denier* atau benang, mempunyai diameter kurang dari sepuluh mikrometer. Ini adalah lebih kecil daripada diameter sehelai sutera (yang kira-kira satu *denier*), iaitu kira-kira 1/5 garis pusat rambut manusia. Jenis *microfiber* yang paling biasa dibuat daripada poliester, poliamida (mis., Nilon, Kevlar, Nomex, trogamide), atau konjugasi poliester, poliamida, dan polipropilena.

Microfiber digunakan untuk membuat tikar, rajutan, dan tenunan untuk pakaian, upholstery, penapis industri, dan produk pembersihan. Bentuk, saiz, dan gabungan gentian sintetik dipilih untuk ciri-ciri tertentu, termasuk kelembutan, ketahanan, penyerapan, penolakan air, elektrostatik, dan kemampuan penapisan.

2.14 Kelebihan Penggunaan Kain *Microfiber*



Rajah 16: Kain *Microfiber*

Microfiber adalah produk bebas serat, non-abrasif, dan *hypoallergenic* yang memungkinkan untuk membersihkan tanpa menggunakan bahan kimia. Tidak seperti produk kapas dan kertas tradisional menyeka atau pel katun yang cenderung mendorong kotoran dan debu, *microfiber* benar-benar menyerap kotoran dan kuman, mengangkat mereka dari permukaan dan menjebak sampai kain atau mop dicuci. Oleh karena itu, bahan kimia tidak diperlukan. *Microfiber* menyerap secara telus dan dapat menyimpan hingga tujuh kali berat air – ini adalah apa yang membuat *pel microfiber* dan kain *microfiber* bahkan lebih istimewa. Kain *microfiber* aman pada semua permukaan. *Microfiber* dapat digunakan dengan desinfektan yang diencerkan.

2.15 Jenis Getah Wiper

2.15.1 Getah

- Mudah koyak, retak, reput atau melekat pada cermin
- Getah cepat keras sudah tidak elastik fleksibel lagi untuk menyapu air dari cermin
- Masih ada garis-garis air tertinggal bila wiper.
- Perlu ditukar setiap 6 bulan sekali
- Mencalarkan cermin

2.15.2 Silikon

- Silikon wiper ni mesra alam lebih tahan lama berbanding pengelap getah (biasa)
- Silikon wiper dikatakan bagus kerana blade tidak menjadi keras seperti wiper getah apabila penggunaannya sudah sekian lama
- Silikon wiper tidak akan mencalarkan cermin kerana jenis soft wiper berbanding wiper biasa
- Mengelap dengan lebih berkesan dan mengelap dengan lebih rata
- Ianya tidak mudah koyak, retak, reput atau melekat pada cermin
- Sapuan air lebih dapat baik dan rata

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Metodologi merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas atau lebih terperinci lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat metodologi membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Maksud lain metodologi ialah kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, rentak, corak dan sistem. Metodologi juga bermaksud ilmu tentang cara atau disiplin yang digunakan semasa melakukan kajian tertentu untuk mencapai tujuan tertentu. Metodologi kajian adalah merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian.

3.2 Peringkat Kajian



Carta 1 : Peringkat Kajian

3.2.1 Peringkat Pertama

Peringkat pertama ialah melakukan pemilihan tajuk yang berkaitan dengan kursus Perkhidmatan Bangunan. Selain itu, pemilihan tajuk projek yang bersesuaian dapat membantu kerjasama dengan ahli kumpulan dan meningkatkan daya pemikiran yang kreatif antara satu sama lain. Tajuk projek yang dipilih yang berkaitan dengan kursus ini dapat membantu seseorang individu dalam penghasilan produk dengan mengaplikasikan ilmu pembelajaran yang telah dipelajari atau diperoleh semasa berada di dalam kelas.

Kajian dan penyelidikan harus dilakukan sebelum tajuk projek dipilih bagi mengelakkan bagi mengelakkan sebarang permasalahan berlaku ketika projek dijalankan. Hal ini dapat membantu dalam menghasilkan projek dengan baik dan lebih teratur. Perbincangan dilakukan bagi meneliti aspek-aspek penting yang perlu diambil kira atau dititikberatkan bagi projek yang akan dilaksanakan ini. Aspek yang seharusnya diambil kira adalah dari segi penggunaan bahan-bahan, kos bahan dan tempoh masa pelaksanaan projek.

Pembentangan idea bagi pemilihan tajuk projek ini telah dibentangkan terlebih dahulu sebelum dipilih dan dipersetujui oleh penyelia bagi meneruskan projek ini. Setelah dipersetujui oleh penyelia, projek tahun akhir akhir ini dibentangkan dihadapan para panel bagi mendapatkan persetujuan dan penambahbaikan dalam idea-idea supaya projek dapat dijalankan dengan lebih sempurna.

3.2.2 Peringkat Kedua

Peringkat kedua ialah melakukan kajian literatur. Hal ini dilakukan untuk memastikan produk yang ingin dihasilkan mampu dilaksanakan dengan lebih sempurna. Segala maklumat telah dicari dan dikumpul dalam pelbagai cara antaranya dengan menggunakan laman sesawang dan membuat soal kaji selidik. Oleh hal sedemikian, segala maklumat dan kajian yang telah dibuat dapat dipertambahbaikan dan juga mampu memastikan produk *Ino Double Side Clean Window* dapat dihasilkan dengan lebih baik.

Selain itu, kajian telah dibuat ke atas jenis bahan yang ingin digunakan dalam penghasilan produk. Antaranya seperti penggunaan paip ABS, kain microfiber, magnet neodmium dan lain-lain. Kebaikan dan kelemahan bahan tersebut diambil kira bagi memastikan ia dapat digunakan dengan baik. Oleh hal ini, dengan adanya kajian literatur dapat menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan dengan projek yang ingin diinovasikan. Setiap isi kandungannya mempunyai banyak manfaat dalam merealisasikan sebuah produk yang dihasilkan.


3.2.3 Peringkat Ketiga

Peringkat ketiga ialah membuat metodologi. Pada peringkat ini, pencarian bahan-bahan yang digunakan dalam menghasilkan alat pengelap cermin bermula. Pada peringkat ini juga, segala ilmu dan tunjuk ajar diperlukan dalam penghasilan projek. Proses penghasilan projek ini mengambil masa lebih kurang dua minggu untuk dihasilkan (tanpa percubaan).

Selain itu, dalam penghasilan *Ino Double Side Clean Window* ini menunjukkan sikat positif antara ahli kumpulan yang dapat memberikan kerjasama yang baik dan menjalankan tugas yang sebaiknya semasa aktiviti ini dijalankan. Seterusnya, berdasarkan maklumat yang diperolehi di bab 2 (kajian literatur), segala bahan-bahan yang akan digunakan telah dibeli setelah lakaran produk dihasilkan bagi merekodkan jumlah-jumlah bahan yang diperlukan bagi memastikan tiada ketidakcukupan bahan dan untuk menjimatkan kos pembelian.

3.3 Kaedah Kajian

Carta 2 menunjukkan carta alir yang merangkumi segala aspek dari segi bentuk dan analisis.



Carta 2: Carta Alir Projek


3.4 Kajian Am

Kajian am ini dilakukan ini dilakukan untuk mengukuhkan segala maklumat yang telah dikaji bagi menyokong fakta atau maklumat yang telah dibuat. Berikut adalah cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat.


- i. Melakukan perjumpaan dan perbincangan bersama penyelia untuk menunjukkan maklumat yang telah diperoleh.
- ii. Melayari laman sesawang seperti google dan google scholar untuk mendapatkan fakta dan maklumat dengan terperinci.
- iii. Perjumpaan bersama Mr Carl untuk mendapatkan jenis paip yang sesuai dalam pembuatan produk di Evolve3D, Petaling Jaya.



Rajah 17 : Perjumpaan Bersama Mr Carl




Rajah 18 : Google



Rajah 19 : Google Scholar



3.5 Reka Bentuk *Ino Double Side Clean Window*

3.5.1 Reka Bentuk Menggunakan *Sketch Up*



Rajah 17: *Sketch Up*

3.5.2 Reka Bentuk Badan Projek



Rajah 18: Badan Ino *Double Side Clean Window*

3.6 Peralatan Yang Terlibat Dalam Pembuatan Projek

3.6.1 Paip ABS

Paip ABS diperbuat daripada bahan polymer. Paip ini mempunyai banyak kelebihan antaranya mampu menahan hakisan. Selain itu, mempunyai daya tahan hakisan yang tinggi.



Rajah 19: Paip ABS

3.6.2 Pita Pengukur

Pita pengukur terdiri daripada pita kain, plastic, atau logam dengan mempunyai tanda ukuran dengan unit metrik. Selain itu, ia mempunyai kepanjangan dan kelunturan yang membolehkan sesuatu pengukuran dengan baik.



Rajah 20: Pita Pengukur

3.6.3 *Hot Glue Gun*

Alat ini digunakan untuk tujuan penampalan sesuatu bahan. Mempunyai elemen pemanas untuk mencairkan gam sebelum ia digunakan.



Rajah 21: *Hot Glue Gun*

3.7 KOS PROJEK

MATERIALS	UNIT	PRICE (PER UNIT) RM	TOTAL RM
NEODYMIUM MAGNET	8	4.50	36
MICROFIBER CLOTH	2	5	10
VELCRO PURCHASE	1 METER	8.90	8.90
ABS PIPE	BODY (WEIGHT)	-	312
SCREW DRIVER	1 PACKET	-	1.70
ADJUSTABLE TRUNK	1	10	10

378.60

Jadual 2: Kos Projek

BAB 4

DAPATAN DAN ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan

Bagi mendapatkan hasil dapatan projek ini, analisa telah dibuat berdasarkan pengedaran borang soal selidik terhadap beberapa orang suri rumah dan pekerja pembersihan. Berdasarkan dapatan data-data tersebut, analisa data dibuat bagi mencapai objektif projek Ino Double Side Clean Window. Analisa data dilakukan bagi mendapatkan pendapat dan sebagai asas rujukan kepada cadangan akhir penghasilan produk inovasi ini. Produk ini dibuat penambahbaikan atas memenuhi pendapat beberapa orang responden.

4.2 Borang Soal Selidik



SOAL SELIDIK : INO DOUBLE SIDE CLEAN WINDOW

OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Menginovasikan satu alat pengelap cermin dua bahagian
- 2) Menginovasikan satu alat pengelap cermin yang dapat meminimumkan masa kerja

Bahagian A

Sila tandakan dalam kotak yang berkaitan dengan maklumat yang betul

1) Jantina

Lelaki : perempuan :

2)

Umur

20-29

30-39

40 dan ke atas

3) Bangsa

Melayu

Cina

India

4) Pekerjaan

Suri rumah

Pekerja pembersihan

Lain-lain

Bahagian B

Sila tandakan (√) pada petak di bawah.

Objektif 1: menginovasikan satu alat penegelap cermin dua bahagian


NO	ITEM	YA	TIDAK
1.	Alat pengelap cermin yang berada dipasaran memudahkan kerja pengelapan		
2.	Alat pengelap cermin mampu mencapai tempat yang tinggi		
3.	Alat pengelap cermin sangat mesra pengguna		
4.	Alat pengelap cermin mampu mencapai bahagian belakang cermin yang sukar dicapai		
5.	Alat pengelap cermin mempunyai kos yang tinggi di pasaran		

Objektif 2: menginovasikan satu alat pengelap cermin yang dapat meminimumkan masa kerja.

NO	ITEM	YA	TIDAK
1.	Adakah bahagian belakang cermin menyukarkan kerja pengelapan ?		
2.	Adakah pengelapan cermin secara manual mengambil masa yang lama ?		
3.	Adakah alat pengelap cermin dipasaran menjimatkan masa pengelapan ?		
4.	Adakah alat pengelap cermin dua bahagian dapat meminimumkan masa pengelapan ?		
5.	Adakah pengelapan cermin pada bahagian tinggi memaksimumkan masa pengelapan ?		

Bahagian C

Gambarajah 'INO DOUBLE SIDE CLEAN WNDOW'



Kelebihan 'Ino Double Side Clean Window'

- mempunyai batang boleh laras yang mampu mencapai bahagian cermin yang tinggi.
- mudah dibawa kemana-mana.
- mempunyai dua bahagian badan yang mampu melekat pada kedua-dua belah cermin sekaligus.

Berikan pendapat anda tentang penghasilan produk inovasi ini:

.....

.....


.....

4.3 Analisis latar belakang responden

Jadual di bawah menunjukkan analisis latar belakang responden secara peratusan.

4.3.1 Analisis jantina responden


Kajian ini melibatkan 40 orang responden yang terdiri daripada kalangan perempuan dan lelaki. Sebanyak 72.5% adalah perempuan dan 27.5%



Carta pai 4.1: Jantina Responden

4.3.2 Analisis umur responden

Carta pai di bawah menunjukkan peratusan daripada umur responden daripada purata umur 20 sehingga 40 tahun ke atas.



Carta pai 4.2: umur responden

4.3.3 Analisis bangsa responden

Carta pai di bawah menunjukkan analisis bangsa dalam kalangan responden. Antara peratusan bagi bangsa melayu ialah 52.5% dan Indonesia ialah 47.5%.



Carta pai 4.3: Bangsa responden

4.3.4 Analisis pekerjaan responden

Rajah di bawah menunjukkan peratusan analisis daripada jenis pekerjaan responden. Majoriti dari kesemua responden, sebanyak 45% terdiri daripada suri rumah, 47.5% merupakan pekerja pembersihan dan lain-lain 7.5%.




Carta pai 4.4: pekerjaan responden

4.4 Analisis data bagi objektif menginovasi satu alat pengelap cermin dua bahagian

4.4.1 Alat pengelap cermin yang berada di pasaran memudahkan kerja pengelapan


Carta pai di bawah menunjukkan peratusan daripada kalangan responden. 65% mengatakan YA dan 35% mengatakan TIDAK.



Carta pai 4.5: Alat pengelap cermin yang berada di pasaran memudahkan kerja pengelapan

4.4.2 Alat pengelap cermin mampu mencapai tempat yang tinggi


Carta pai di bawah menunjukkan peratusan daripada kalangan responden iaitu 22.5% mengatakan YA dan 77.5% mengatakan TIDAK pada pernyataan dia atas.



Carta pai 4.6: Alat pengelap cermin mampu mencapai tempat yang tinggi.

4.4.3 Alat pengelap cermin sangat mesra pengguna


Rajah di bawah menunjukkan carta pai peratusan daripada kenyataan dia atas.



Carta pai 4.7: Alat pengelap cermin sangat mesra pengguna

4.4.4 Alat pengelap cermin mampu mencapai bahagian belakang cermin yang sukar dicapai


Carta pai di bawah menunjukkan peratusan daripada kalangan responden ke atas kenyataan di atas.



Carta pai 4.8: Alat pengelap cermin mampu mencapai bahagian belankang cermin yang sukar dicapai.

4.4.5 Alat pengelap cermin mempunyai kos yang tinggi di pasaran

Carta pai di bawah menunjukkan peratusan daripada tindak balas responden terhadap kenyataan di atas.




Carta pai 4.9: Alat pengelap cermin mempunyai kos yang tinggi di pasaran

4.5 Analisis data bagi objektif menginovasi satu alat pengelap cermin yang dapat meminimumkan masa kerja.

4.5.1 Adakah bahagian belakang cermin menyukarkan kerja pengelapan?


Carta pai di bawah menunjukkan peratusan daripada kalangan responden terhadap pertanyaan dia atas.



Carta pai 4.10: Adakah bahagian belakang cermin menyukarkan kerja pengelapan.

4.5.2 Adakah pengelapan cermin secara manual mengambil masa yang lama?


Carta pai di bawah menunjukkan peratusan daripada pertanyaan di atas.



Carta pai 4.11: Adakah pengelapan cermin secara manual mengambil masa yang lama?

4.5.3 Adakah alat pengelap cermin dipasaran menjimatkan masa pengelapan?


Carta pai di bawah menunjukkan peratusan daripada tindak balas daripada kalangan responden terhadap pertanyaan di atas.



Carta pai 4.12: Adakah alat pengelap cermin dipasaran menjimatkan masa pengelapan

4.5.4 Adakah alat pengelap cermin dua bahagian dapat meminimumkan masa pengelapan

Carta pai di bawah menunjukkan peratusan dapipada kalangan responden terhadap pertanyaan di atas.



Carta pai 4.13: Adakah alat pengelap cermin dua bahagian dapat meminimumkan masa pengelapan?

4.5.5 Adakah pengelapan cermin pada bahagian tinggi memaksimumkan masa pengelapan?

Carta pai di bawah menunjukkan peratusan daripada responden terhadap pertanyaan dia atas.



Carta pai 4.14: Adakah pengelapan cermin pada bahagian tinggi memaksimumkan masa pengelapan.

4.6 Analisis daripada 'Testing Product'

4.6.1 Membuat *testing* produk terhadap lima (5) orang kakitangan pembersihan PSA

Kakitangan Pembersihan	Pengelapan secara manual	Pengelapan dengan penggunaan <i>Ino Double Side Clean Window</i>
 <p>PUAN SAYYA</p>	1 minit 30 saat	1 minit 10 saat
 <p>PUAN SOKLAH</p>	1 minit 20 saat	1 minit
 <p>CIK SAIFAH</p>	1 minit 5 saat	50 saat
 <p>PUAN MAKWA</p>	1 minit 50 saat	1 minit 20 saat
 <p>PUAN ASNIAH</p>	1 minit 42 saat	1 min 15 saat

Jadual 3: Membuat *testing* produk terhadap lima (5) orang pekerja pembersihan PSA

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Hasil analisis data dan dapatan-dapatan kajian telah dibentangkan dalam bab 4. Bab ini pula akan memberikan ringkasan kajian dan perbincangan dalam kumpulan bagi mencapai satu kata sepakat yang baik dan selesa bagi membuat kepastian perjalanan aktiviti projek berjalan seperti yang dirancang dan teratur. Setiap minggu mengadakan perjumpaan sesama ahli kumpulan untuk membincangkan kemajuan projek dari minggu ke minggu supaya mengikut seperti yang dirancang dalam pembikinan projek.

Selain itu, pelbagai masalah dibincangkan bagi mencari penyelesaian yang berkesan. Antara masalah yang telah dihadapi termasuklah ketidakfungsian projek, kesukaran mendapatkan maklumat berkaitan bahan projek dan sebagainya. Oleh itu, perkembangan projek dilihat dari masa ke semasa dan keputusan atau segala keraguan diselesaikan berdasarkan hak persetujuan bersama ahli kumpulan dan juga penyelia.

5.2 Perbincangan

Masalah merupakan satu ujian bagi menilai sejauh mana tahap kesabaran seseorang. Begitu juga ketika menjalankan dan mereka bentuk projek, terdapat beberapa masalah yang mengganggu dan menjejaskan sesebuah projek. Antara masalah yang dihadapi termasuklah dari segi kesesuaian penggunaan magnet dan kesukaran untuk melakukan ujian terhadap produk.

5.2.1 Masalah dalam penggunaan magnet

Ini adalah antara salah satu masalah yang dihadapi apabila bahan yang digunakan melibatkan penggunaan magnet.

- a) Magnet yang digunakan mudah retak dan sensitif apabila terhentak pada satu permukaan.

Bagi menyelesaikan masalah ini, bahan yang digunakan perlu dibeli baru dan mempunyai stok yang lebih untuk mengelakkan daripada terjadinya masalah sebegitu lagi.

5.2.2 Pemilihan jenis kain pengelap

Pemilihan dalam jenis kain pengelap juga antara salah satu masalah yang dihadapi dalam pembikinan projek. Hal ini demikian kerana tidak semua jenis kain sesuai digunakan seperti kain *microfiber*, ia tidak dapat digunakan kerana akan berlaku ketidaklekatan pada kedua-dua belah badan produk.

Masalah ini diatasi dengan menukarkan jenis kain pengelap *microfiber* kepada kain *microfiber synthetic leather 3D printing* (FDM). Penambahbaikan ini dibuat setelah aktiviti ujian terhadap produk dilakukan.

5.3 Kesimpulan

Projek 'Ino Double Side Clean Window' ini dirangka dan dibangunkan sebagai memenuhi kehendak dalam silibus Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan. Selama proses pembikinan projek ini, banyak ilmu dan pengetahuan yang membina dapat diperolehi daripada kajian ilmiah yang dilakukan serta proses reka bentuk *Ino Double Side Clean Window*.

Dengan adanya projek ini, ia dapat memudahkan suri rumah dan kakitangan pembersihan dalam melakukan aktiviti pengelapan tingkap kerana projek ini mampu menjalankan aktiviti pengelapan pada kedua-dua belah cermin sekaligus dan mencapai tempat yang sukar dicapai.

Akhir projek ini diharap dimanfaatkan sepenuhnya, diterima dan digunapakai dan sesuai dengan perkembangan teknologi di zaman ini serta hasil yang didapati dari projek ini dapat memenuhi kehendak semua.

5.4 CADANGAN

Setelah menjalankan projek ini, didapati projek ini dapat memberi manfaat kepada suri rumah dan kakitangan pembersihan kerana dapat membantu mereka dalam aktiviti pengelapan cermin. Di samping itu, produk ini mempunyai batang boleh laras yang dapat mencapai tempat yang tinggi dan sukar untuk dicapai.

Untuk mengatasi kelemahan projek ini beberapa cadangan telah dibuat:

1. Menyediakan peruntukan masa yang lebih untuk membuat projek ini.
2. Menggunakan komponen-komponen yang lebih canggih.

5.5 Rumusan Bab

Bab ini menjelaskan tentang masalah yang dihadapi dan membuat perbincangan sebelum membuat sesuatu keputusan semasa projek dijalankan. Selain itu, kesesuaian bahan turut memainkan peranan yang penting kerana bahan yang digunakan haruslah dikaji terlebih dahulu tentang kesesuaiannya sebelum dipilih untuk emnjadi bahan binaan projek. Setelah itu, projek yang telah selesai direka perlulah dikenal pasti kelemahan bagi proses penambahbaikan dilakukan agar lebih baik dihasilkan.

1) SUMBER: WEBSITE

1. azrdesing.my. (2017, Julai 3). Jenis Tingkap Rumah. *Adventure desing idea*.
2. Editor, T. (2017, Disember 23). Mary Enserson , Perempuan Penemu Wiper Kenderaan.
3. Jumia. (2018, May 25). Satainless Steel.
4. Kalshin. (2018, May 8). Sifat-sifat paip.
5. MALAYSIA, D. (2018, April 9). Statistik Kemalangan , DOSH. *Work Statistic*, pp. 1-6.
6. Mary Anderson (inventor). (2019, January 27). *Wikipedia.my*.
7. MIPACKO. (2019). APA ITU MICROFIBER.
8. Pk, R. (2017). Ergonomic performance.
9. RESOURCES, E. E. (2011, Mac 14). Window Type for Home. *Daily work time*.
10. Sarah, S. (2015, april 26). METODOLOGI KAJIAN.
11. Terpelihara, H. C. (2019, Januari 2). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
12. Thye, L. L. (2018, Disember 14). Budayakan Keselamatan Pekerjaan. *Adventure Work Daily*.
13. Window", S. ". (2012, Januari 12). Sejarah "Wiper Window". pp. 1-20.
14. WINDOW, S. (2019). AWNING AND CASEMENT WINDOWS.

GHANT CHART PROJEK 1

Perkara	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10	M11	M12	M13	M14	M15
Pembentukan kumpulan															
Pemilihan projek															
Taklimat projek															
Pembentangan slide															
Perjumpaan bersama penyelia															
Perbincangan idea															
Penghasilan proposal															
Lawatan ke tempat kajian															
Mengambil data di tempat kajian															
Membuat kajian metodologi															
Mencari bahan projek															
Penghasilan lakaran projek															
Pengukuran dan pemasangan															
Pembinaan projek															
Mengenal pasti masalah															
Penambahbaikan															

GHANT CHART PROJEK 2

Perkara	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10	M11	M12	M13	M14	M15
Taklimat projek															
Pengujian produk															
Perjumpaan bersama penyelia															
Penambahbaikan produk															
Membuat soal selidik															
Mendapatkan data dari pekerja pembersihan															
Menganalisis borang soal selidik															
Menganalisis harga produk terdahulu															
Mengemaskini produk															
Penghasilan bab 4 & 5															
Melengkapkan laporan dan buku log															
Pembentangan akhir															
Penyerahan laporan projek dan buku log															

PENGAGIHAN	
PERLAKSANAAN	

Responden 1

Borang soal selidik

POLITEKNIK
SULTAN SALAHUDDIN ABUL AZIZ SHAH
MALAYSIA

SOAL SELIDIK : INO DOUBLE SIDE CLEAN WINDOW

OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Menginovasikan satu alat pengelap cermin dua bahagian
- 2) Menginovasikan satu alat pengelap cermin yang dapat meminimumkan masa kerja

Bahagian A

Sila tandakan dalam kotak yang berkaitan dengan maklumat yang betul

- 1) Jantina
Lelaki : perempuan :
- 2) Umur
20-29
30-39
40 dan ke atas
- 3) Bangsa
Melayu
Cina
India
- 4) Pekerjaan
Suri rumah
Pekerja pembersihan
Lain-lain

Rajah 25: Responden 1 (Bahagian A)

Bahagian B

Sila tandakan (✓) pada petak di bawah.

Objektif 1 : menginovasikan satu alat pengelap cermin dua bahagian

NO	ITEM	YA	TIDAK
1.	Alat pengelap cermin yang berada dipasaran memudahkan kerja pengelapan	✓	
2.	Alat pengelap cermin mampu mencapai tempat yang tinggi		✓
3.	Alat pengelap cermin sangat mesra pengguna		✓
4.	Alat pengelap cermin mampu mencapai bahagian belakang cermin yang sukar dicapai		✓
5.	Alat pengelap cermin mempunyai kos yang tinggi di pasaran	✓	

Objektif 2 : menginovasikan satu alat pengelap cermin yang dapat meminimumkan masa kerja.

NO	ITEM	YA	TIDAK
1.	Adakah bahagian belakang cermin menyukarkan kerja pengelapan ?	✓	
2.	Adakah pengelapan cermin secara manual mengambil masa yang lama ?	✓	
3.	Adakah alat pengelap cermin dipasaran menjimatkan masa pengelapan ?		✓
4.	Adakah alat pengelap cermin dua bahagian dapat meminimumkan masa pengelapan ?	✓	
5.	Adakah pengelapan cermin pada bahagian tinggi memaksimumkan masa pengelapan ?	✓	

Bahagian C

Gambarajah 'INO DOUBLE SIDE CLEAN WNDOW'



Berikan pendapat anda tentang penghasilan produk inovasi ini:

sebagai alternatif pada cara-cara
melakukan kerja pengelapan

Rajah 26: Responden 1 (Bahagian B dan C)

Responden 2

Borang soal selidik

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

SOAL SELIDIK : INO DOUBLE SIDE CLEAN WINDOW

OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Menginovasikan satu alat pengelap cermin dua bahagian
- 2) Menginovasikan satu alat pengelap cermin yang dapat meminimumkan masa kerja

Bahagian A

Sila tandakan dalam kotak yang berkaitan dengan maklumat yang betul

- 1) Jantina
Lelaki : perempuan :
- 2) Umur
20-29
30-39
40 dan ke atas
- 3) Bangsa
Melayu
Cina
India *Malay*
- 4) Pekerjaan
Suri rumah
Pekerja pembersihan
Lain-lain

Rajah 27: Responden 2 (Bahagian A)

Bahagian B

Sila tandakan (✓) pada petak di bawah.

Objektif 1 : menginovasikan satu alat pengelap cermin dua bahagian

NO	ITEM	YA	TIDAK
1.	Alat pengelap cermin yang berada dipasaran memudahkan kerja pengelapan	✓	
2.	Alat pengelap cermin mampu mencapai tempat yang tinggi		✓
3.	Alat pengelap cermin sangat mesra pengguna		✓
4.	Alat pengelap cermin mampu mencapai bahagian belakang cermin yang sukar dicapai		✓
5.	Alat pengelap cermin mempunyai kos yang tinggi di pasaran	✓	

Objektif 2 : menginovasikan satu alat pengelap cermin yang dapat meminimumkan masa kerja.

NO	ITEM	YA	TIDAK
1.	Adakah bahagian belakang cermin menyukarkan kerja pengelapan ?	✓	
2.	Adakah pengelapan cermin secara manual mengambil masa yang lama ?	✓	
3.	Adakah alat pengelap cermin dipasaran menjimatkan masa pengelapan ?	✓	
4.	Adakah alat pengelap cermin dua bahagian dapat meminimumkan masa pengelapan ?	✓	
5.	Adakah pengelapan cermin pada bahagian tinggi memaksimumkan masa pengelapan ?	✓	

Bahagian C

Gambarajah 'INO DOUBLE SIDE CLEAN WNDOW'



Berikan pendapat anda tentang penghasilan produk inovasi ini:

...berkesan dan mudah digunakan pada
...kain

Rajah 28: Responden 2 (Bahagian B dan C)